

## **MoA KUIS-KIAS demi kemajuan pendidikan Islam**

**April 13, 2016**

### **OLEH HAFIZAN TAIB (<https://selangorkini.my/2016/04/moa-kuis-kias-demi-kemajuan-pendidikan-islam/>)**

BANGI, 13 APRIL: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dan Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) penyelidikan dan penerbitan demi kemajuan pendidikan Islam.

MoA dijalin bertujuan menjalankan penyelidikan secara bersama dalam bidang dakwah, syariah dan usuluddin seterusnya menerbitkan hasil penyelidikan berkenaan.

Majlis menandatanganinya berlangsung di Dewan Senat KUIS, 30 Mac lalu di mana KUIS diwakili Rektornya, Prof Datuk Dr Ab Halim Tamuri manakala KIAS diwakili Ketua Eksekutif, Prof Dr Ab Aziz MOhd Zain.

Turut hadir, Timbalan Rektor Akademik dan Penyelidikan, Dr Mohammad Shukri Abdul Rahman; Timbalan Rektor Pembangunan Mahasiswa dan Alumni, Dr Mokmin Basri; Dekan Akademik Islam, Dr Mariam Abdul Majid dan hadirin lain.

Kedua belah pihak menyatakan komitmen bagi menjayakannya yang menekankan aspek kepentingan dan keutamaan untuk melaksanakan penyelidikan dan penerbitan di peringkat institusi pengajian tinggi Islam